

Masalah pembeli rumah diatasi

BH- 29/11/2006

Negeri dibenar lantik pesuruhjaya selenggara bangunan hingga serahan kunci

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan membenarkan kerajaan negeri melantik Pesuruhjaya Bangunan bagi mengendalikan pengurusan bangunan bertingkat sementara menunggu tarikh penyerahan kunci dan hak milik strata kepada pembeli.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata tempoh antara projek siap dan tarikh penyerahan kunci sering menimbulkan masalah dari segi penyelenggaraan bangunan kerana pengurusannya belum dilantik pemaju.

Sehubungan itu katanya, Pesuruhjaya Bangunan akan menentukan pengendalian bangunan dilaksanakan dengan sempurna ketika tempoh antara projek siap dengan tarikh penyerahan kunci kepada penghuni.

Beliau berkata, Rang Undang-und

ang Bangunan dan Harta Bersama akan dibentangkan di Parlimen bulan depan bagi membolehkan kerajaan negeri mendapat hak melantik Pesuruhjaya Bangunan.

"Pihak berkuasa negeri boleh melantik sesiapa saja yang difikirkan boleh menjalankan tugas dengan baik sebagai Pesuruhjaya Bangunan.

"Kami dengar banyak masalah yang dihadapi pembeli sementara mereka menunggu hak milik strata. Pelantikan Pesuruhjaya Bangunan boleh mengatasi masalah ini," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-56 di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Ong berkata, Pesuruhjaya Bangunan akan diberikan kuasa yang perlu untuk menyelesaikan penyelenggaraan ketika tempoh projek siap dan penyerahan kunci dan hak milik strata kepada pembeli.

Katanya, rang undang-undang itu akan menjadi pelindung kepada pembeli dalam tempoh yang disifatkannya sebagai panjang kerana sekarang hanya pemaju mempunyai hak menguruskan hartanah milik bersama.

"Jika pembeli tidak puas hati dengan pemaju kerana tidak menyelenggara dengan betul, ketika ini tiada undang-undang khas untuk membantu mereka.

"Dengan undang-undang baru ini,

jika ada sebarang pertikaian atau penyelewengan, Pesuruhjaya Bangunan boleh campur tangan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan," katanya.

Ong berkata, pihak berkuasa negeri perlu menimbangkan golongan seperti pegawai kerajaan atau profesional yang tahu bagaimana menguruskan hartanah bersama bagi memegang jawatan Pesuruh-

jaya Bangunan.

Sementara itu, Najib berkata, mesyuarat semalam juga meluluskan pelaksanaan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) yang menggalakkan pensijilan oleh profesional seperti arkitek dan jurutera bagi menggantikan sistem Sijil Layak Menduduki (CFO) yang dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) sekarang.

Beliau berkata, tiga kementerian

akan membentangkan satu rang undang-undang, meminda lima akta sedia ada dan satu undang-undang kecil dalam sesi Parlimen bulan depan bagi membolehkan sistem CCC dilaksanakan di seluruh negara.

Katanya, CCC akan berkuatkuasa seawal-awalnya dalam tempoh 18 bulan selepas semua akta itu diluluskan oleh Parlimen dan mendapat perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

“ Pihak berkuasa negeri boleh melantik sesiapa saja yang difikirkan boleh menjalankan tugas dengan baik sebagai Pesuruhjaya Bangunan”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri